

CNS3664

U GR 16-05 00150 RA440

Aah

Mahathir - Guru

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata guru memainkan peranan utama bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Ini kerana guru merupakan golongan yang memberikan asas kepada pembinaan tenaga manusia di negara ini, kata beliau dalam perutusan sempena perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 1991 hari ini.

Katanya dedikasi serta kepekaan guru terhadap semua perubahan dan cabaran penting untuk memberikan pendidikan cemerlang bagi mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, selesa dan senang menerap sebarang kemajuan di semua bidang.

+Pendidikan yang cemerlang akan dapat menggembelng segala potensi pelajar untuk menjadikan mereka manusia yang sempurna bagi diri mereka sendiri, masyarakat dan negara,+ katanya.

Menteri Pendidikan Datuk Dr Sulaiman Haji Daud melancarkan perayaan itu yang bertemakan +Ke Arah Pendidikan Cemerlang+ di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang dekat sini. -- Lagi.

♥16/05/13-35MST

CNS3671

U GR 16-05 00142 RA442

Bah

Mahathir - Guru 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berharap tema sambutan Hari Guru tahun ini akan memberikan semangat baru kepada guru bagi meneruskan usaha ke arah perkhidmatan yang lebih bermakna.

Datuk Seri Dr Mahathir berterima kasih kepada para guru kerana jasa dan sumbangan mereka membimbing dan mendidik generasi muda.

Dalam ucapannya, Datuk Dr Sulaiman berkata sebagai agen perubahan, guru perlu menghayati falsafah dan aspirasi +wawasan 2020+ yang telah meletakkan asas yang kukuh untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

+Sebagai pendidik kita mesti memainkan peranan tertentu... pertama sekali kita perlu menerima rancangan atau gagasan ini, kedua, memberi sepenuh sokongan terhadapnya dan ketiga, berusaha untuk menjadikan wawasan ini suatu kenyataan,+ katanya.

Katanya, wawasan 2020 menepati matlamat dan hasrat pendidikan negara untuk meraih perimbangan antara perkembangan fizikal dan rohaniah. -- Lagi.

♥16/05/13-54MST

CNS3676

U GR 16-05 00116 RA443

Aah

Mahathir - Guru 3 Kuala Lumpur

Di samping memberi penekanan kepada kemajuan perindustrian, ekonomi dan perdagangan, wawasan itu juga menghendaki rakyat mendidik diri mereka bekerja dengan lebih gigih, jujur, ikhlas dan berdisiplin untuk mencapai kecemerlangan, katanya.

Datuk Dr Sulaiman memberitahu pemberita kemudian bahawa beliau telah memohon kepada Kementerian Kewangan supaya menambahkan peruntukan bagi membiayai mata pelajaran +Kemahiran Hidup+ di sekolah.

Katanya, peruntukan sekarang sebanyak \$20 setahun untuk setiap murid mendapat peralatan bagi mata pelajaran itu tidak lagi memadai dan sewajarnya ditambah sekali ganda.

Penekanan kepada pengajaran teknikal seperti yang terkandung dalam mata pelajaran itu diperlukan ke arah mencapai matlamat 2020, katanya. -- Bernama.

♥16/05/14-00MST